



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 40 (29 SEPTEMBER 2024 – 05 OKTOBER 2024)**

---

Pada Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,639 kes berbanding 1,760 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-40 adalah sebanyak 105,149 kes berbanding 91,910 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 95 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 67 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-40 adalah sebanyak 35 lokaliti berbanding 33 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 35 lokaliti yang dilaporkan, 26 lokaliti di Selangor, empat (4) lokaliti di Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Negeri Sembilan, satu (1) lokaliti di Johor, satu (1) lokaliti Kelantan dan satu (1) lokaliti Sabah.


Bagi surveilan chikungunya, terdapat dua (2) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-40. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 78 kes. Tiada wabak chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-40. Bagi surveilan zika, sebanyak 2,081 sampel darah, lapan (8) sampel urin dan tiga (3) sampel cairan serebrospinal telah dijalankan saringan zika dengan keputusan adalah negatif.

Nyamuk *Aedes* yang menyebarkan penyakit demam denggi paling aktif menggigit pada dua waktu puncak iaitu pada awal pagi dari pukul 5 hingga 8 pagi dan lewat petang dari pukul 5 hingga 8 malam. Oleh itu, untuk mengurangkan risiko gigitan nyamuk dan penyebaran penyakit, orang awam perlu mengambil langkah-langkah pencegahan terutama ketika berada di luar rumah pada waktu puncak tersebut. Salah satu langkah yang disarankan adalah memakai pakaian yang berwarna cerah yang menutupi kulit, seperti baju lengan panjang dan seluar panjang. Selain itu, penggunaan repelen atau penghalau nyamuk pada bahagian kulit yang terdedah juga disyorkan untuk menghindari daripada terkena gigitan nyamuk *Aedes*. Orang awam juga diingatkan untuk menjaga kebersihan persekitaran dengan meluangkan sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan *Aedes* bagi menurunkan risiko jangkitan denggi. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**

**KETUA PENGARAH KESIHATAN**


**11 OKTOBER 2024**




**Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-40 & ke-39 tahun 2024**



**Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023**



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-40), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-40 tahun 2024**